

11/08/1997

Pembuang sampah ke mahkamah (HL)

Roslan Ibrahim; Wan Jailani Razak

KUALA LUMPUR, Ahad - Mulai esok, mereka yang membuang sampah di sekitar ibu negara akan ditahan dan dihadapkan serta-merta ke Mahkamah Bandaraya, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Menurut sumber DBKL, bagi menahan mereka yang tidak menjaga kebersihan dan mencemarkan imej negara, satu operasi besar-besaran dinamakan Ops Khas Antikotor akan dilancarkan esok.

Sebelum ini, mereka yang melakukan kesalahan membuang sampah tidak dibawa ke mahkamah berkenaannya, sebaliknya hanya dikenakan kompaun serta-merta di tempat kejadian dengan kadar minimum RM30 atau dijelaskan dalam tempoh 14 hari.

Mahkamah berkenaannya sebelum ini sering membicarakan kes membabitkan pemandu `lori hantu' yang gagal mematuhi Undang-Undang Kecil Kerja Tanah 1988 menerusi Operasi Kawalan Pencemaran Alam Sekitar (Ops Kapas), selain kes bersabit Perintah Lalulintas Jalan (Tempat Letak Kereta) 1985.

Mereka yang ditahan kerana membuang sampah di merata tempat boleh didakwa mengikut Seksyen 47 (1) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 kerana membuang atau meninggalkan botol, gelas, tin, bekas, pembungkus, zarah makanan atau apa-apa benda di tempat awam.

Jika sabit kesalahan, mereka boleh dikenakan denda maksimum RM500 bagi kesalahan pertama, manakala bagi kesalahan kedua dan seterusnya, mereka boleh didenda maksimum RM1,000.

Sementara itu, Penolong Pengarah Direktorat Penguatkuasaan DBKL, Yazid Samsudin, berkata pihaknya mengadakan pemeriksaan serta penguatkuasaan secara berterusan dan tidak secara bermusim seperti anggapan sesetengah pihak.

"Malah, kita sentiasa meningkatkan penguatkuasaan dari semasa ke semasa dengan tujuan memberi pengajaran kepada orang yang melakukan kesalahan dan orang lain supaya lebih prihatin dengan aspek kebersihan," katanya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru-baru ini menyelar tabiat suka membuang sampah di kalangan warga kota. Dr Mahathir menamakan kawasan Bukit Bintang kawasan paling kotor di ibu kota kerana sampah sarap bertaburan di sepanjang jalan itu.

Berikutan itu, Ketua Pengarah DBKL, Datuk Noordin Razak, menegaskan mereka yang membuang sampah di merata-rata tempat di sekitar ibu kota akan dikenakan denda maksimum RM500.

Yazid berkata, bagi tempoh enam bulan pertama tahun ini sahaja, pihaknya mengeluarkan 2,013 notis kesalahan mengikut Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dan mengutip RM34,250 daripada kompaun dan denda yang dikenakan ke atas pesalah.

Daripada 2,013 notis yang dikeluarkan, katanya, 800 dikenakan tindakan mahkamah kerana gagal membayar kompaun dengan 75 kes diselesaikan di luar mahkamah.

(END)